

Majlis Pengkisahan Sejarah Siri Ke 8  
Penyu di Terengganu-Mitos dan Fakta

Bertempat di Pusat Santuari Penyu Rantau Abang, Dungun pada 27 Julai 1997

-Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah bersalam-salaman dengan para tetamu yang hadir

-Pertunjukan tarian

Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia Negeri Terengganu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu, Yang Berbahagia Tuan Pegawai Daerah Dungun, Yang Berbahagia Tuan Haji Jamil bin Jalaludin Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, wakil-wakil Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Yang Berhormat Tuan Haji Shafie bin Daud ADUN bagi kawasan Rantau Abang merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun, Yang Berbahagia Pengarah Perikatan Negeri Terengganu, dif-dif jemputan seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian. Majlis terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah kerana sudi turut hadir ke majlis pengkisahan sejarah penyu di Terengganu pada hari ini siri yang ke-8 iaitu metos dan fakta. Dan untuk memulakan majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berbahagia Haji Jamil bin Jalaludin selaku Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia mewakili Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia untuk menyampaikan ucapan pendahuluan. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

Tuan Haji Jamil bin Jalaludin (Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia)

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia Negeri Terengganu selaku wakil Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berusaha Tuan Pegawai Daerah Dungun Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Shafie Daud ADUN Rantau Abang merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun, tuan-tuan dan puan-puan serta pelajar-pelajar yang dihormati. Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan pesanan Yang Amat Berhormat Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia yang kini sedang berada di luar negeri dan saya sebenarnya ingin menyampaikan ucapan beliau di majlis pada pagi ini. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama berkumpul di majlis pengkisahan sejarah siri yang ke-8 yang bertemakan penyu di Terengganu, metos dan fakta yang akan berlangsung pada pagi ini. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian Yang Berhormat Dato' melapangkan masa untuk hadir bagi merasmikan majlis pada pagi ini. Kesudian Yang Berhormat Dato' hadir pada pagi ini adalah menggambarkan kepada kita

bahawa Yang Berhormat Dato' adalah seorang pemimpin yang benar-benar komited dalam perkembangan sejarah tanah air kita. Kami percaya dengan segala dorongan dan bantuan daripada Yang Berhormat Dato' yang telah menjadikan program pengkisahan sejarah ini sebagai salah satu daripada program tahunan Jawatankuasa Koleksi Terengganu yang akan berlangsung sebentar lagi akan berjaya mencapai matlamatnya.

Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan

Majlis pengkisahan sejarah adalah merupakan program berterusan Arkib Negara Malaysia yang telah dijalankan sejak tahun 1984 lagi. Dalam Arkib Negara untuk mengumpul fakta-fakta dan maklumat sejarah negara. Pengkisahan ini meliputi pelbagai aspek seperti budaya, politik, pentadbiran, ekonomi, ketenteraan, wanita, pendidikan dan sebagainya. Ia merupakan satu cara pengumpulan maklumat secara lisan daripada mereka yang terlibat secara langsung di dalam sesuatu peristiwa sejarah. Mereka akan diminta bercerita atau mengkisahkan pengalaman-pengalaman sebenar mereka dalam sesuatu peristiwa yang mereka alami atau saksikan. Pengkisahan ini akan dirakamkan secara audio dan video untuk dijadikan sumber asli pendidikan. Setakat ini Jabatan Arkib Negara dan cawangannya di negeri ini telah dapat mengadakan program ini dengan jayanya. Di negeri Terengganu, program pada pagi ini adalah berupa usaha bersama Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu-Pahang dan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu.

Sejak program ini diadakan pada tahun 1984, Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu-Pahang telah menganjurkan sebanyak tujuh siri. Dan majlis pada pagi ini adalah siri yang ke-8 yang bertemakan penyu di Terengganu metos dan fakta. Majlis pengkisahan pada kali ini adalah untuk mendapatkan serta mengumpul sebanyak mungkin maklumat-maklumat mengenai penyu di Terengganu iaitu metos dan fakta. Sebagai sumber pendidikan serta maklumat ini juga dapat menanamkan kesedaran kepada orang ramai terhadap kepentingan penyu sebagai khazanah warisan negeri Terengganu khasnya dan Malaysia amnya. Disamping melengkapkan lagi, melalui program ini akan memberi peluang kepada para peserta berinteraksi dengan para pengkisah untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kehadiran penyu di Terengganu. Maklumat seperti ini adalah penting bukan saja dari aspek ekonomi tetapi juga memperkayakan aspek kesusateraan negara ini. Sehubungan dengan ini kita harus memberi sanjungan kepada saudara J.M.Aziz di atas melahirkan karya berkaitan dengan penyu ini. Justeru itu segala pengertian fakta dan metos seperti di majlis ini adalah diharapkan akan dapat mewujudkan lebih ramai lagi para penyair dan memperkayakan lagi khazanah penyairan dalam perkara yang dikisahkan.

Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan

Dengan pengisahan secara langsung oleh tiga tokoh pengisah penyu di Terengganu metos dan fakta yang terdiri daripada Profesor Madya Dr. Jang Eng Heng dari Universiti Putra Malaysia Kuala Terengganu, Encik Abdul Rahman bin Kasim dari Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan Encik Noh bin Hamid dari Kampung Rantau Abang, Dungun. Dan majlis pengisahan pagi ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dr. Nik Fuad bin Nik Mohd Kamil Ketua Jabatan Pengajian Perniagaan Sains dan Sastera Universiti Putra Malaysia. Segala maklumat yang tidak tercatat dimana-mana, cuma di negara kita akan terbukti pada hari ini. Justeru itu saya menyeru agar para pendidik dan pelajar-pelajar sekalian dapat menggunakan sepenuhnya maklumat yang terkumpul untuk tujuan rujukan dan panduan. Akhir kata, saya dengan rasa penuh kesyukuran ingin merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada kerajaan negeri Terengganu atas sokongan serta dorongan dalam menjayakan majlis ini. Terima kasih juga ditujukan kepada iaitu Production Malaysian (tidak kedengaran suara)

atas kesudiannya membiayai sebahagian daripada perbelanjaan mengendalikan program ini. Seterusnya saya juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan terima kasih kepada pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa majlis pengisahan sejarah siri ke-8. Pada ketua-ketua jabatan kerajaan, Universiti Putra Malaysia Kuala Terengganu, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), mакtab-maktab perguruan, institusi-institusi pengajian, pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan belia dan juga kepada semua pihak serta individu yang telah menyumbang bagi menjayakan majlis ini. Semoga usaha kita yang molek ini diredhai Allah. Terima kasih.

Pengerusi Majlis

Majlis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Jamil bin Jalaludin yang mewakili Pengarah Arkib Negara Malaysia. Ucapan perasmian. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia Negeri Terengganu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillahirabbilalamin wassolatuwassalamuala asrafil ambiya iwalmursalin waala alihu wasohbihai ajmain dan salam sejahtera. Saudara pengatur acara majlis, Yang Berbahagia Pegawai Daerah Dungun Tuan Haji Abdul Rahim Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Shafie Daud Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Rantau Abang, Yang Berbahagia Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Tuan Haji Jamil bin Jamaludin yang mewakili Ketua Pengarah Arkib Negara, Ketua Pengarah Arkib Negara pada majlis kita pada pagi ini, Yang Berbahagia Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Tuan Haji Abdul Rahman, ahli panel, pengisah-pengisah yang terdiri dari pensyarah-pensyarah di Universiti Putra Malaysia iaitu Nik Fuad bin Nik Kamil,

Profesor Madya Dr. Jang, Encik Abdul Rahman yang merupakan seorang Pegawai Perikanan yang terus menerus memerhatikan perkembangan-perkembangan ini pada hari ini. Encik Noh Hamid dari Kampung Rantau Abang, Pengarah Arkib Negara kawasan timur, Encik Abdul Wahid dan pegawai-pegawai Arkib Negara cawangan Pahang-Terengganu, Puan Rohayah dan pegawai dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Encik Azli wakil dari Lembaga Muzium Negeri Terengganu, tetamu-tetamu kehormat, tuan-tuan, puan-puan, anak-anak yang saya kasih sekalian.

Pertama-tama saya nak menyatakan bahawa pada pagi ini saya terpaksa berucap bagi pihak dua orang. Pertama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu. Yang kedua, wakil Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Diraja yang tidak dapat bersama-sama dengan kita pada pagi ini untuk merasmikan majlis pengisian sejarah kali yang ke-8 ini. Selaku Pengerusi Jawatankuasa Koleksi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Haji Jamil yang dapat bersama-sama dengan kita mewakili Ketua Pengarah Arkib Negara dan dapat memberikan ucapan sekejap tadi. Kepada Yang Berbahagia Tuan Pegawai Daerah Dungun dengan kerjasama dan kehadiran yang sangat bermakna pada pagi ini. Kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shafie bin Daud, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan ini dan juga dapat bersama-sama dengan kita walaupun dia tidak dapat sehingga ke akhir majlis ini. Kepada Jabatan Perikanan terutama Tuan Haji Abdul Rahman, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tidak kurang penghargaan saya kepada ahli panel dan pengisian-pengisian yang akan memberikan penerangan yang jelas berhubung dengan penyu. Sama ada penerangan itu berbentuk metos ataupun fakta. Terima kasih saya kepada abang J.M.Aziz. Walaupun akhir-akhir ni tidak begitu sihat, tapi alhamdulillah masih mempunyai semangat yang kuat untuk ikut sama menjayakan majlis ini. Dan sumbangannya membaca puisi dalam majlis ini sangat-sangatlah dihargai.

Pada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir menjayakan majlis ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Pada mulanya saya dimaklumkan bahawa majlis ini nak diadakan di perpustakaan awam cawangan Dungun. Jadi saya minta oleh kerana kita ada pusat penerangan penyu disini, biarlah kita buat majlis ini di sini. Dengan lebih sempurna usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan terutamanya untuk mengembangkan penyu, untuk menambahkan bilangan penyu ataupun setidak-tidaknya untuk mempertahankan penyu daripada pupus. Kepada Encik Abdul Wahid Pengarah Arkib Negara Terengganu-Pahang, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana dalam senyap-senyap telah mengajak sahabat-sahabatnya bekerja untuk menjayakan majlis pengisian sejarah ini. Majlis pengisian sejarah seperti yang diterangkan secara ringkas dalam buku yang ada di tangan tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari merupakan aktiviti yang penting Jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu. Kalau tidak salah ini majlis pengisian sejarah kali yang ke-8 dan boleh dikatakan paling tidak kita mengadakan majlis ini sekali

setahun. Kalau saya tak salah ingat, pada tahun yang lalu kita mengadakan majlis pengkisahan sejarah semangat kemerdekaan di Terengganu, di dewan besar. Sebelum itu, sahabat saya Tuan Haji Wahab masih ingat lagi. Kita pergi ke Bukit Senyum, Bukit Besi. Jarang orang tahu kalau Bukit Besi ni nama dier (dia) Bukit Senyum. Bukit Senyum Tuan Haji Wahab yer (ya) (Yang Berhormat Dato' bertanya kepada Tuan Haji Wahab). Seri Bangun. Ya, jarang orang panggil. Kita tidak mahu cerita-cerita yang ada hubungannya sama ada fakta ataupun metos mengenai Bukit Besi ini hilang begitu saja.

Dan alhamdulillah, kita masih dapat bertemu dan saya masih ingat saya masih dapat bergambar dengan sebilangan pekerja-pekerja Bukit Besi satu masa dulu yang telah pun berumur antara 60 tahun hingga 70 tahun. Dan kalau saya tidak salah kita telah pun bercerita, mengkisahkan tentang perahu besar negeri Terengganu. Tapi, sebelum itu telah didahului pengkisahan sejarah dengan perkembangan pendidikan. Pertamanya, pendidikan agama di negeri Terengganu. Mengkisahkan beberapa orang tokoh ulama di negeri Terengganu yang baru seminggu dua yang lalu salah seorang daripadanya telah meninggal dunia iaitu Dato' atau tok guru Haji Abas. Jadi dalam hari ni kita rasa kita bertuah juga dapat merakamkan cerita-cerita dia. Dan saya percaya dengan kerjasama yang diberikan sebaik-baiknya Tuan Haji Jamil oleh Arkib Negara, Muzium Negeri Terengganu dan beberapa persatuan dan pertubuhan seperti persatuan dan pertubuhan seperti Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Terengganu, Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA) kita akan dapat pada masa-masa yang akan datang. Menambah bilangan majlis-majlis seumpama seperti ini. Mungkin barangkali kalau keadaan dan kewangan mengizinkan, kita dapat mengadakan lebih pada sekali tiap tahun.

Masih banyak perkara-perkara yang penting yang barangkali dapat kita rakamkan untuk generasi yang akan datang. Saya ambil sebagai satu contoh, saya boleh sebut Pasar Kedai Rayang atau pasar di Terengganu. Jarang orang yang datang ke Terengganu merasa puas hati sebelum dia balik, dia dapat tengok pasar negeri Terengganu. Pasar negeri Terengganu ini telah disebut agak jelas dalam siri ke pelayaran Murshid Abdullah ke Terengganu ke Kelantan pada suatu masa dulu. Jadi dapat kita katakan bahawa kita mempunyai khazanah yang kaya, yang akan hilang begitu sahaja kalau tidak kita berusaha merakamkannya untuk penelitian generasi akan datang. Khusus berhubung dengan tajuk pada hari ini penyu di Terengganu metos dan fakta. Saya percaya tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang hadir dalam majlis ini akan dapat berbanyak-banyak manfaat daripada penerangan-penerangan, daripada ahli-ahli akademik kita yang memang membuat penyelidikan berhubung dengan penyu. Yang ini barangkali dapat disebut sebagai fakta. Dan tidak sunyi juga kita dengar berhubung dengan penyu ini cerita-cerita. Mungkin dapat disebut dongeng ataupun metos yang oleh kerana kepandaian pengceritanya, terasa bahawa hal-hal yang ada hubungan dengan penyu yang setengah orang yang pada setengah orang dapat sebutkan sebagai metos. Terasa sebagai perkara yang benar sebagai satu fakta. Saya percaya majlis kita hari ni akan dapat memberi satu gambaran yang jelas antara metos dan fakta. Walau apa pun penerangan yang didasarkan kepada fakta

ataupun metos mengenai penyu dan penyu itu tetaplah suatu makhluk, suatu binatang yang mempunyai rahsia yang masih banyak. Yang saya rasa belum lagi diterokai oleh penyelidik-penyelidik, oleh ahli-ahli sains. Penyelidik yang pernah membuat penyelidikan mengenai penyu Rantau Abang telah menambahkan pengetahuan kita berhubung dengan kehidupan penyu itu sendiri.

Dan dalam hal penyelidikan ini saya rasa kita amat terhutang budi kepada usaha gigih yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan Negeri Terengganu daripada dahulu sehingga sekarang. Dalam hal ini juga, saya nyatakan tidak ramai barangkali yang tahu, yang sedar satu sumbangan penting kerajaan negeri Terengganu berhubung dengan penyu ini telah mengadakan santuari penyu iaitu mengadakan satu kawasan dimana kegiatan-kegiatan yang tidak diingini oleh penyu sama ada masa-masa tertentu, masa pendaratan ataupun masa dia bertelur atau masa lain-lain, telah kita adakan. Saya lupa sempadan dia. Jadi saya masih ingat masa duduk dalam jawatankuasa santuari penyu dulu, kita telah menentukan satu kawasan yang agak panjang juga ke pantainya sebagai satu kawasan dengan peraturan-peraturan yang tertentu. Tidak semua orang setuju dengan mengadakan kawasan-kawasan seperti ini kerana kegiatan-kegiatan penangkapan ikan, kegiatan-kegiatan laut di kawasan ini terbatas kerana peraturan-peraturan. Dan juga menimbulkan masalah juga kepada kita bila sampai masa kepada kita nak membangunkan kawasan Rantau Abang ini sebagai satu kawasan pelancongan yang masyhur. Bila kita nak mengimbangi sejauh mana kemudahan-kemudahan asas, chalet, hotel dan sebagai, kedai dan sebagainya boleh diadakan di sini sekiranya tidak mengganggu penyu. Pernah orang menyebut bahawa penyu telulu sensitif kepada cahaya, kepada lampu, kepada api, kepada sinar ~~dari~~ sebagainya. Mungkin penyu akan merajuk jika sekiranya pembangunan ~~terlalu~~ asas, chalet, hotel dan sebagai, kedai dan sebagainya boleh diadakan di sini sekiranya tidak mengganggu penyu. Tapi, kita percaya. Saya secara peribadi percaya. Saya minta maaf kepada sahabat-sahabat saya, ahli-ahli akademik. Besar kemungkinan penyu juga dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan-kemajuan. Kalau kita tahu, penyu merasa kurang senang dengan kehadiran api. Barangkali sekarang dia sudah boleh belajar hidup untuk menerima cahaya api. Begitulah barangkali seperti juga binatang-binatang yang lain. Tapi, kita juga banyak kepada kajian yang terus menerus dilakukan oleh penyelidik-penyelidik termasuklah penyelidik-penyelidik dari luar negara.

Tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang dihormati sekalian

Takdirnya, penyu pupus tapi cerita-cerita mengenai penyu, hasil kajian dan penyelidikan mengenai penyu dan sebahagian besarnya telah dibukakan dan sebahagian besarnya akan dibukakan akan terus dapat dikaji, dibaca oleh generasi kita yang akan datang. Dan tentulah mereka akan merasakan bahawa penyu adalah satu binatang yang sangat-sangat ajaib kehidupannya, yang menarik minat ramai orang untuk melihatnya. Termasuklah pelancong-pelancong dari luar dan dalam. Orang selalu bertanya mengapa kita mengadakan peraturan tidak membenarkan, menjual, dimiliki dan dimakan iaitu telur penyu belimbing. Jawabnya mudah saja. Kita tidak mahu harga yang mahal, permintaan yang banyak dan bertambah daripada masa ke masa menyebabkan spesis latterback